

CIRI GURU PENDIDIKAN ISLAM BERKESAN

Kamarul Azmi Jasmi
Noor Fadhlina Nawawi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Jasmi, K. A. & Nawawi, N. F. (2012). Ciri Guru Pendidikan Islam Berkesan in *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] (International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012])* at Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru on 8-9 March 2012, pp. 203-208. ISBN 99917-44-89-4.

ABSTRAK

Guru Pendidikan Islam berkesan dalam perbincangan tokoh pendidikan merangkumi pelbagai aspek antaranya ialah dari segi perancangan pengajaran, pengurusan bilik darjah, gaya dan strategi pengajaran, kaedah penilaian pengajaran, menjaga hubungan baik guru dan pelajar, pengaplikasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran, keperibadian, keperibadian dengan Allah, keperibadian terhadap diri sendiri, keperibadian terhadap pelajar, dan kemahiran. Artikel ini cuba mengupas aspek-aspek ini agar ciri yang dijelaskan dapat dipraktikkan dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Malaysia.

REFERENCES

- Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi. 2010. Isu Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (pnyt). dalam *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi, U KM Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaludin, Zamri Abdul Rahim, Khadijah Abdul Razak. 2004. *Keberkesanan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Ke Atas Pembangunan Diri Pelajar*. Laporan Penyelidikan: U KM.
- Abdull Sukor Shaari. 2008, *Guru Berkesan Petua dan Panduan*, Sintok, penerbit UUM.
- Ahmad Mohd Salleh, 2008, *Pengajian Agama Islam & J-Qaf Metodologi Dan Pedagogi Pendidikan, Selangor: Oxford Fajar*.
- Ahmad Yunus Kasi dan Ab. Halim Tamuri. 2010. Pengetahuan pedagogical kandungan (PPK) pengajaran akidah: kajian kes guru cemerlang pendidikan islam. *Journal of Islamic & Arabic education* 2 (2): 13-30
- Al-Ghazali imam Abu Hamid, t.th. *Ihya' ulum al- din*. Jil. 1-8. Kuala Lumpur: Victory Ajensi
- Ali Murad. Yahya Hasan. 2003. *Adab al- Alim Wa al- Muta'lim Ind al- Mufakkirin al- Mus-limin-*. Beirut, Dar al- kutub al- ilmiyyah.
- Ba'albaki. Dr. Ruhi. 2003. *Al Mawrid Qamus, bahasa arab english-*, beirut Dar al-'ilm lil malayiin.
- Dunkin M. J. dan Biddle B. J. 1974. *The Study of Teaching* New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Gerges, M. G. 2005. *Mu'jam Mustalahat al-tarbiyyah wa al-ta'lim*. Beirut, Dar al-nahdah al- arabiyyah.
- Kamaruddin Hussin & Siti Hajar Abdul Aziz, 2003. *Pedagogi Untuk Asas Pendidikan*. Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2011. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan pembelajaran*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri, dan Mohd Izham Mohd Hamzah. 2009. Sifat dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan Hubungannya dengan Motivasi Pelajar. *Jurnal Teknologi*, 51(E): 57- 71.

- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Ilias, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah. 2011. Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic & Arabic Education*, 3(1), 59-74
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. (PhD), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Lucas S. G. dan Bernstein D. A. 2005. *Teaching Psychology A Step By Step Guide*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates
- Mohd Ashraf Che Soh. 2009. *Falsafah Pendidikan Guru: Perlukah Dikaji Semula*. Zamri Mahamod, Kamarulzaman Abd. Ghani, harun Baharuddin, Ab. Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi, Mohd Aderi Che Noh (pnyt.) dalam Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-7 (Peringkat Nusantara), Halatuju Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di Nusantara. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia: 165- 181
- Mohd Azam Mahat (2009) *Guru Pendidik, Pengajar Atau Pendakwah*, Selangor, Karisma Publications
- Mohd Sahandri G ani Hamzah, Ramli Basri Dan Shafee Mohd Daud 2010: *Karakter Guru Ilmu Diagung Guru Disanjung*, Selangor, Utusan Publications
- Mohd Shatar Sabran, Jasni Sabri dan Azali Mohamed. 2006. *Tip Pendidik Cemerlang*. Selangor, Utusan Publications.
- Noriati A.Rashid, Boon Pong Ying dan Wong Kiet Wah 2010. *Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional Guru (Siri Pendidikan Guru)*, kuala lumpur: Fajar.
- Rahil Mahyuddin, Habibah Elias Dan Kamariah Abu Bakar 2009, *Amalan Pengajaran Berkesan (Siri Pendidikan Guru)*, Shah Alam.
- Shulman L. S. 1987. Knowledge and Teaching: Foundation of The New Reform. Harvard Educational Review.
- Siti Fatimah Ahmad dan Ab. Halim Tamuri. 2010. Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Multimedia dalam Pengajaran j-Qaf. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2): 53-64.
- Syed Ismail Syed Mustapa dan Ahmad Subki Miskon. 2010. *Guru Dan Cabaran Semasa*. Selangor: Penerbitan Multimedia.
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab Halim Tamuri, Isahak Othaman, Mohd Sabri Mamat 2009. Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM, *Journal Of Islamic And Arabic Education* 1 (2), 31-50

CIRI GURU PENDIDIKAN ISLAM BERKESAN

Kamarul Azmi Jasmi
Noor Fadhlina Nawawi

Abstrak

Guru Pendidikan Islam berkesan dalam perbincangan tokoh pendidikan merangkumi pelbagai aspek antaranya ialah dari segi perancangan pengajaran, pengurusan bilik darjah, gaya dan strategi pengajaran, kaedah penilaian pengajaran, menjaga hubungan baik guru dan pelajar, pengaplikasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran, keperibadian, keperibadian dengan Allah, keperibadian terhadap diri sendiri, keperibadian terhadap pelajar, dan kemahiran. Artikel ini cuba mengupas aspek-aspek ini agar ciri yang dijelaskan dapat dipraktikkan dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Malaysia.

Kata Kunci: Guru Pendidikan Islam, guru berkesan, pengajaran dan pembelajaran.

PENGENALAN

Perbincangan mengenai ciri guru berkesan telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji. Dalam membincangkan ciri-ciri GPI berkesan ini, pengkaji hanya memfokuskan perbincangan mengenai tiga aspek penting berdasarkan kepada model-model yang telah dikemukakan oleh Imam al-Ghazali (t.th), Kamarul Azmi Jasmi (2010), Abdull Sukor Shaari (2008), Dunkin dan Biddle (1974), dan Shulman (1986), iaitu berkaitan dengan aspek pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, keperibadian dan kemahiran.

Apabila kita menyebut perkataan guru, akan terus terbayang di minda kita seorang guru yang sedang mengajar di dalam kelas. Tidak dapat dinafikan bahawa itu adalah sebahagian dari rutin atau tugas bagi seseorang yang bergelar guru. Pengajaran yang berkesan merupakan perkara yang amat penting dalam bidang perguruan selaras dengan usaha melahirkan pelajar yang berkualiti. Istilah pengajaran menarik atau berkesan adalah sesuatu yang sukar diberikan definisi atau pengertian yang tepat kerana kedua-duanya berbeza mengikut persepsi dan keadaan seseorang. Namun begitu, sepuluh prinsip asas pengajaran berkesan yang diutarakan oleh Lucas dan Bernstein (2005) dapat dijadikan panduan dan pegangan bagi mereka yang bergelar guru atau yang bakal menjadi guru dalam meningkatkan kualiti guru. Prinsip asas tersebut ialah:

- (1) Menggalakkan hubungan pelajar dan guru
- (2) Menggalakkan kerjasama di kalangan pelajar
- (3) Menggalakkan pembelajaran aktif
- (4) Memberikan maklum balas yang cepat
- (5) Menitik beratkan masa bertugas
- (6) Berkomunikasi dengan pelajar
- (7) Menghormati pelbagai bakat dan cara pembelajaran

- (8) Mengatur dan bersedia
- (9) Interaksi dengan pelajar
- (10) Adil dan beretika

Manakala menurut Ahmad Mohd Salleh (2008) dan Rahil Mahyuddin *et al.* (2009) dalam menghasilkan pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berkesan, guru dan pelajar memainkan peranan yang penting dan saling membantu antara satu sama lain. Antaranya ialah

- (1) Guru haruslah menguasai beberapa kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mana kaedah tersebut dapat dilaksanakan sesuai dengan tajuk dan isi pengajaran yang telah ditentukan.
- (2) Guru mesti menguasai isi pengajaran dengan baik dan berjaya menyampaikannya dengan penuh keyakinan.
- (3) Penggunaan bahasa yang bersesuaian dengan tahap kebolehan pelajar sewaktu menyampaikan pengajaran.
- (4) Guru harus mengemukakan arahnya dengan jelas dan berkesan mengenai kerja atau perklara yang perlu dilakukan oleh pelajar.
- (5) Berjaya memotivasikan pelajar ke arah kesedaran mengenai kepentingan pelajaran.
- (6) Pelajar dapat menumpukan sepenuh perhatian, memanfaatkan masa, serta melibatkan diri secara aktif sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.
- (7) Guru berjaya mengawal disiplin kelas sementara pelajar pula mendisiplinkan diri mereka

Justeru, dapatlah dinyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang berkesan yang ditentukan melalui beberapa aspek antaranya ialah perancangan pengajaran, pengurusan bilik darjah, gaya dan strategi pengajaran, kaedah penilaian pengajaran, menjaga hubungan baik guru dan pelajar serta pengaplikasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran.

PERANCANGAN PENGAJARAN

Kunci utama yang menjadikan sesuatu pengajaran itu berkesan ialah terletak pada perancangan pengajaran. Untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam berkesan, GPI serharusnya merancang pengajaran dan pembelajaran mereka dengan teratur dan sistematik. Mengetahui dan menentukan matlamat pengajaran merupakan salah satu langkah yang membawa kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Bertitik tolak dari inilah, seseorang yang bergelar pendidik seharusnya menetapkan dan menentukan apakah matlamat yang ingin di capai oleh mereka dalam setiap sesi pengajaran dan pembelajaran yang di jalankan. Apatah lagi GPI, yang sememangnya telah mengetahui dan memahami matlamat utama Pendidikan Islam ialah untuk melahirkan insan yang soleh mengikut acuan al-Quran dan sunnah. Dengan mengetahui dan memahami matlamat sesuatu pengajaran, sudah tentulah akan memudahkan GPI menentukan kaedah atau cara untuk menyempurnakan matlamat tersebut (Rahil Mahyuddin *et al.*, 2009; Lucas & Bernstein, 2005).

PENGURUSAN BILIK DARJAH

Salah satu aspek penting dalam usaha menjadi guru berkesan adalah aspek pengurusan bilik darjah. Sebahagian besar masa guru di sekolah berada dalam bilik darjah. Justeru, pengurusan kelas atau bilik darjah yang baik sangat penting kepada seseorang guru dalam menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan (Kamaruddin Hussin & Siti Hajar Abdul Aziz, 2003). Pengurusan bilik darjah ini merangkumi peranan dan tugas guru untuk menyusun pelajar, ruang, masa dan peralatan serta termasuk juga usaha guru memupuk penglihatan dan kerjasama pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran agar proses pengajaran dan pembelajaran berlaku dengan berkesan. Pengurusan bilik darjah ini juga merangkumi pengurusan disiplin bilik darjah yang melibatkan beberapa peraturan

ditetapkan kepada pelajar supaya mereka berkelakuan baik dan mendisiplinkan diri semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Hal ini penting agar pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan secara sistematik, teratur dan lancar tanpa sebarang gangguan (Abdull Sukor Shaari, 2008).

GAYA DAN STRATEGI PENGAJARAN

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, penglihatan pelajar haruslah secara aktif dan menyeluruh melalui pelbagai bentuk aktiviti. Pelajar hendaklah dibimbing dan diberikan peluang dan kesempatan mengguna dan mengembangkan potensi mereka secara maksimum untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran. Pengalaman baru yang berguna haruslah diperoleh melalui interaksi yang positif denganguru, rakan sebaya dan bahan pembelajaran. Guru seharusnya memilih dan mengadakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar manakala guru bertindak atau berfungsi sebagai fasilitator dan pemudah cara (Lucas & Bernstein, 2005). Sesuatu kaedah pengajaran yang digunakan bukan hanya sekadar mampu memberi pengetahuan, kemahiran manipulative serta menerapkan nilai-nilai sosial yang baik tetapi juga bempaya memupuk dan mengembangkan kemahiran berfikir dan kreativiti di kalangan pelajar (Rahil Mahyuddin *et al*, 2009). Tidak dinafikan, kaedah pengajaran yang berpusatkan guru juga mampu menyampaikan pengetahuan yang berguna kepada pelajar.

KAEDAH PENILAIAN PENGAJARAN

Dalam memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, pelaksanaan penilaian pengajaran perlu dilakukan oleh guru bagi mengukur dan menilai sejauh mana tahap kemampuan dan penerimaan pelajar terhadap pengajaran yang telah di sampaikan (Lucas & Bernstein, 2005). Penilaian pengajaran ini boleh dilakukan sama ada semasa proses pengajaran atau penutup pengajaran atau juga selepas pengajaran (Kamarul Azmi Jasmi, 2010).

MENJAGA HUBUNGAN BAIK GURU DAN PELAJAR

Dalam mewujudkan dan menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang efektif dan berkesan, hubungan baik antara guru dan pelajar juga harus dititik beratkan (Lucas & Bernstein, 2005). Hal ini kerana, guru dan pelajar mempunyai matlamat dan objektif yang sama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru menghormati pelajar sebagai individu yang memerlukan bantuan, manakala pelajar menghormati guru sebagai orang yang bertanggungjawab membantu mereka dalam pembelajaran (Abdull Sukor Shaari 2008:70). Justeru hubungan baik ini perlu dikekalkan bukan hanya dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah tetapi berterusan dan berkekalan kerana orang yang bertanggungjawab mendidik dan mengajar pelajar selepas ibu bapa adalah guru (Mohd Sahandri Gani *et al*, 2010; Noriati A. Rashid *et al*, 2010).

PENGAPLIKASIAN TEKNOLOGI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Aspek yang terakhir ialah pengaplikasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran dengan cara penggunaan alat teknologi sebagai bahan bantu mengajar seperti penggunaan slaid PowerPoint, akses internet dalam bilik darjah, penggunaan CD-Roms, laman web buku teks, menggabungj alinkan komponen laman web untuk pengajaran tradisional, laman web sebagai alat pengajaran dan juga pembelajaran berasaskan web (Lucas & Bernstein, 2005). Bertitik tolak daripada pelbagai perubahan yang telah berlaku dalam masyarakat hari ini dan juga kesan kemajuan dan kecanggihan teknologi menuntut kepada perubahan dan pembaharuan dalam pengajaran dan

pembelajaran Pendidikan Islam agar lebih menarik minat pelajar (Kamarul Azmi Jasmi & ab. Halim tamuri, 2011). Walaubagaimanapun, setiap peralatan yang digunakan dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran harus digunakan dengan bijak dan sepatutnya agar segala keistimewaan dan kelebihan mampu memberi manfaat kepada guru dan pelajar (Lucas & Bernstein, 2005).

KEPERIBADIAN

Selain daripada aspek pengajaran dan pembelajaran, keperibadian juga merupakan ukuran dalam menentukan ciri GPI dengan ketinggian akhlak dan peribadi yang ditonjolkan. Sifat keperibadian yang baik merupakan aset penting kepada seseorang guru terutamanya GPI agar dapat dijadikan contoh teladan dan juga mempunyai pengaruh yang besar kepada minda dan jiwa pelajar (Ab. Halim Tamuri & Kamarul Azmi Jasmi, 2011: 73). Dalam menentukan sifat keperibadian GPI ini, aspek yang diambil berat ialah keperibadian GPI dengan Allah, keperibadian terhadap diri sendiri dan juga keperibadian dengan pelajar.

KEPERIBADIAN DENGAN ALLAH

Keperibadian kepada Allah S.W.T. merupakan ciri utama GPI selaku makhluk yang dijadikan oleh Allah S.W.T. al-Quran juga telah menjelaskan kepada kita bahawa sebagai makhluk ciptaanNya, seharusnya menunaikan tanggungjawab kita, iaitu dengan beribadat kepada-Nya (al-Zariyat 51: 56). Dalam memenuhi matlamat sebagai GPI segala tuntutan yang berkaitan hubungan dengan Allah perlu dipenuhi dan diamalkan. Antara hubungan atau keperibadian yang boleh dipraktikkan di sekolah ialah ketaatan dan keimanan terhadap Allah S.W.T. (al-Nisa' 4:136), soleh, beramal berdasarkan ilmu, tawadduk, bertakwa dan meletakkan cinta kepada Allah S.W.T. yang utama.

Di samping itu, adab terhadap Allah S.W.T. menurut Ali Murad (2003) dalam kitab *Adab al- Alim wal Muta'lim* antaranya ialah sentiasa bersifat ikhlas, benar, istiqamah dalam jalan keimanan atau kebaikan, sentiasa bersyukur di atas nikmat, khusyuk dan takut kepada Allah, tidak kedekut ilmu, bersifat zuhud dan sentiasa mendekatkan diri kepada Allah. Selain itu juga, antara sifat keperibadian terhadap Allah yang lain termasuklah bersungguh-sungguh dalam melakukan amal ibadat, sentiasa sibuk bertadabbur dan berfikir serta mengambil iktibar, tenang dan sopan serta menjauhi sifat yang tercela.

KEPERIBADIAN TERHADAP DIRI SENDIRI

Selain keperibadian pada Allah, keperibadian kepada diri sendiri juga amat dititik beratkan dalam menentukan ciri-ciri GPI. Antara keperibadian terhadap diri sendiri ialah penampilan fizikal iaitu dengan penampilan yang kemas dan bergaya sepanjang masa. Setiap gaya atau penampilan hendaklah bersesuaian, sopan dan tidak menjolok mata serta kemas dan berdisiplin seperti rambut sentiasa dipotong pendek bagiguru lelaki (Mohd Sahandri Gani *et al.*, 2010). Hal ini juga turut dinyatakan oleh Ali Murad (2003) dalam kitabnya *Adab al- Alim wal Muta'lim* dalam bahagian adab orang yang mengajar terhadap Allah dan diri sendiri yang menyebut bahawa seseorang guru itu seharusnya mengambil berat tentang penampilan diri dan menjaganya agar sentiasa kelihatan bersih seperti penjagaan tubuh badan, gigi, kuku rambut dan sebagainya serta memakai pakaian yang bersih dan kemas. Di samping memakai pakaian yang menutup aurat dan bersesuaian mengikut jantina dan keadaan atau majlis (Kamarul Azmi Jasmi, 2010).

KEPERIBADIAN TERHADAP PELAJAR

Guru Pendidikan Islam juga perlu mengambil berat keperibadian mereka terhadap pelajar selain daripada keperibadian terhadap Allah dan diri sendiri. Hal ini kerana keperibadian guru terhadap pelajar memainkan peranan penting dalam penerimaan pembelajaran oleh pelajar. Antara keperibadian guru terhadap pelajar yang dinyatakan oleh Ali Murad (2003) ialah sentiasa menasihati, memberikan petunjuk atau pedoman dan juga memberi peringatan kepada pelajar. Selain itu juga

bersifat adil dan saksama antara setiap pelajar, sentiasa memberikan galakan dan motivasi, memahami tabiat dan keupayaan pelajar, tidak menggunakan hukuman yang berat dan menyakitkan pelajar, mengambil berat tentang masalah yang dihadapi pelajar, membantu mencari jalan penyelesaian, mengambil berat kesihatan dan kemaslahatan pelajar serta mengetahui nama dan latar belakang pelajar.

Di samping itu juga, antara sifat keperibadian GPI terhadap pelajar berdasarkan pandangan dan kajian yang dijalankan terhadap pelajar antaranya ialah berfikiran terbuka, bertanggungjawab dan mengambil berat, menghormati pelajar, mempunyai komitmen yang tinggi, seorang yang peka, berkeyakinan tinggi dan juga penasihat akademik (Mohd Shatar Sabran *et al.*, 2006). Mohd Azam Mahat (2009) juga telah menggariskan beberapa ciri keperibadian guru yang mendapat tempat di hati pelajar, iaitu seorang yang komited dengan tugas, mesra, adil dan bertimbang rasa, pendengar dan penasihat, memberi penghargaan dan sedia berkorban.

KEMAHIRAN

Kemahiran yang dimiliki oleh seseorang GPI juga menjadi ukuran dalam menentukan ciri GPI yang berkesan selain aspek pengajaran dan pembelajaran dan keperibadian (al-Ghazali t.th; Dunkin & Biddle, 1974; Kamarul Azmi Jasmi, 2010). Menurut Ba'albaki (2003) kemahiran dalam Bahasa Arab disebut sebagai *maharah* yang membawa pelbagai maksud iaitu kemahiran, sangat mahir, ketangkasan, kecekapan, kepintaran, sangat bijak, kemahiran kerja atau pembuatan dan mahir ketukangan.

Menurut Gerges (2005: 526) kemahiran bermaksud kecekapan dan kemampuan yang diperolehi hasil daripada pengalaman yang banyak, pengkajian-pengkajian dan pembelajaran yang berterusan. Kemahiran termasuklah ilmu pengetahuan, penyampaian maklumat, memahami tingkahlaku pelajar, mahir dalam kajian serta mahir dalam menyelesaikan masalah pelajar. Kemahiran yang perlu dimiliki oleh GPI agar pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan lebih berkesan ialah kemahiran dalam penggunaan teknologi, kemahiran seni suara, kemahiran melukis dan tulisan khat, kemahiran berbahasa asing dan juga kemahiran merawat dan kaunseling (Kamarul Azmi Jasmi, 2010; Mohd Sahandri Gani, 2010; Abdull Sukor Shaari, 2008)

PENUTUP

Artikel ini telah membincangkan secara tuntas aspek pengajaran dan pembelajaran berkesan. Aspek tersebut ialah dari segi perancangan pengajaran, pengurusan bilik darjah, gaya dan strategi pengajaran, kaedah penilaian pengajaran, menjaga hubungan baik guru dan pelajar, pengaplikasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran, keperibadian, keperibadian dengan Allah, keperibadian terhadap diri sendiri, keperibadian terhadap pelajar, dan kemahiran. Ciri dan aspek yang telah dibincangkan ini penting untuk diamalkan oleh guru agar pengajaran dan pembelajaran mereka benar-benar bermakna kepada para pelajar mereka.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi. 2010. Isu Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam.
- Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (pnyt). dalam *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi, U KM Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaludin, Zamri Abdul Rahim, Khadijah Abdul Razak. 2004. *Keberkesanan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Ke Atas Pembangunan Diri Pelajar*. Laporan Penyelidikan: U KM.
- Abdull Sukor Shaari. 2008, *Guru Berkesan Petua dan Panduan*, Sintok, penerbit UUM.
- Ahmad Mohd Salleh, 2008, *Pengajian Agama Islam & J-Qaf Metodologi Dan Pedagogi Pendidikan*, Selangor: Oxford Fajar.
- Ahmad Yunus Kasi dan Ab. Halim Tamuri. 2010. Pengetahuan pedagogical kandungan (PPK) pengajaran akidah: kajian kes guru cemerlang pendidikan islam. *Journal of Islamic & Arabic education* 2 (2): 13-30

- Al-Ghazali imam Abu Hamid, t.th. Ihya' ulum al- din. Jil. 1-8. Kuala Lumpur: Victory Ajensi
- Ali Murad. Yahya Hasan. 2003. *Adah al- Alim Wa al- Muta'lim Ind al- Mufakkirin al- Muslimin-*. Beirut, Dar al- kutub al-ilmiiyyah.
- Ba'albaki. Dr. Ruhi. 2003. *AlMawrid Qamus, bahasa arab english-*, beirut Dar al-'ilm lil malayiin.
- Dunkin M. J. dan Biddle B. J. 1974. *The Study of Teaching* New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Gerges, M. G. 2005. *Mu'jam Mustalahat al-tarbiyyah wa al-ta'lim*. Beirut, Dar al-nahdah al- arabiiyyah.
- Kamaruddin Hussin & Siti Hajar Abdul Aziz, 2003. *Pedagogi Untuk Asas Pendidikan*. Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamarul azmi jasmi & Ab. Halim tamuri 2011 pendidikan islam kaedah pengajaran dan pembelajaran cetakan keempat, johor, UTM
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah. 2009. *Sifat dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan Hubungannya dengan Motivasi Pelajar*. Jurnal Teknologi 51(E): 57- 71
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Ilias, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah. 2011. *Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia*. Journal of Islamic & Arabic Education 3(1), 59-74
- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. Guru Cemerlang Pendidikan Islam sekolah menengah di malaysia: satu kajian kes. Tesis doktor falsafah, UKM.
- Lucas S. G. dan Bernstein D. A. 2005. *Teaching Psychology A Step By Step Guide*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates
- Mohd Ashraf Che Soh. 2009. *Falsafah Pendidikan Guru: Perlukah Dikaji Semula*. Zamri Mahamod, Kamarulzaman Abd. Ghani, harun Baharuddin, Ab. Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi, Mohd Aderi Che Noh (pnyt.) dalam Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-7 (Peringkat Nusantara), Halatuju Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di Nusantara. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia: 165- 181
- Mohd Azam Mahat (2009) *Guru Pendidik, Pengajar Atau Pendakwah*, Selangor, Karisma Publications
- Mohd Sahandri G ani Hamzah, Ramli Basri Dan Shafee Mohd Daud 2010: *Karakter Guru Ilmu Diagung Guru Disanjung*, Selangor, Utusan Publications
- Mohd Shatar Sabran, Jasni Sabri dan Azali Mohamed. 2006. *Tip Pendidik Cemerlang*. Selangor, Utusan Publications.
- Noriati A.Rashid, Boon Pong Ying dan Wong Kiet Wah 2010. *Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional Guru (Siri Pendidikan Guru)*, kuala lumpur: Fajar.
- Rahil Mahyuddin, Habibah Elias Dan Kamariah Abu Bakar 2009, *Amalan Pengajaran Berkesan (Siri Pendidikan Guru)*, Shah Alam.
- Shulman L. S. 1987. Knowledge and Teaching: Foundation of The New Reform. Harvard Educational Review.
- Siti Fatimah Ahmad dan Ab. Halim Tamuri. 2010. *Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Multimedia dalam Pengajaran j-Qaf*. Journal of Islamic and Arabic Education 2(2): 53-64
- Syed Ismail Syed Mustapa dan Ahmad Subki Miskon. 2010. *Guru Dan Cabaran Semasa*. Selangor: Penerbitan Multimedia.
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab Halim Tamuri, Isahak Othaman, Mohd Sabri Mamat 2009. Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM, *Journal Of Islamic And Arabic Education* 1 (2), 31-50